

20 APR 1998

Mahathir-sensitiviti

AMBIL KIRA SENSITIVITI BAGI ELAK MASALAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) --Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sensitiviti semua pihak perlu diambil kira dalam melakukan sesuatu projek bagi mengelakkan timbulnya masalah di kemudian hari.

"Kita tak nak sesuatu yang dibuat, yang boleh menyentuh sensitiviti orang, supaya dalam negara kita tak ada masalah-masalah yang timbul kerana orang tak mempedulikan sensitiviti orang lain.

"Kita nak ubah kawasan perkuburan tentu ada sensitivitinya," katanya merujuk kepada rancangan projek pemindahan kawasan perkuburan Jalan Sungai Besi dan Jalan Loke Yew ke kawasan baru di Semenyih, Hulu Langat.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian bagi membolehkan pemindahan itu, antara Pribena Construction dan Persatuan Hokkien Selangor di sini.

Dr Mahathir berkata pemindahan kawasan perkuburan yang terletak di tengah-tengah bandar perlu dilakukan kerana ia sudah tidak bersesuaian dengan keadaan semasa.

Ditanya mengenai dakwaan mengatakan sesetengah pihak di Semenyih, yang tidak berpuas hati dengan pemindahan perkuburan itu ke kawasan berkenaan, Perdana Menteri berkata: "Itu kita dah tanya dah, ada lah... tentu ada orang yang tak puas hati di mana-mana juga tak puas hati.

"Macam kita nak buat jalan orang tak puas hati, nak buat masjid pun ada orang tak puas hati, jadi kalau kita nak kena tanya semua orang sehingga semua orang puas hati, tak ada satu pun kita boleh bangun dalam negara kita ni," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, pemindahan perkuburan itu akan dilakukan mengikut keperluan adat dan agama.

-- BERNAMA

RAZ RI